

RUJUKAN KEPADA MAZHAB DALAM KETETAPAN FATWA: ANALISA UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ISLAM DI MALAYSIA

REFERENCE TO MAZHAB IN FATWA DELIBERATION: ANALYSIS ON THE ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW IN MALAYSIA

Mohammad Azam Hussain¹
Haji Hairuddin Megat Latif²
Mohd. Zakhiri Md. Nor³
Md. Rejab Md. Desa⁴
Al-Hanisham Mohd Khalid⁵
Muhammad Azri Mohd Akhir⁶

^{1,2,3,4,5} Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

Email: ¹hmazam@uum.edu.my, ²hairuddin@uum.edu.my, ³zakhiri@uum.edu.my, ⁴rejab@uum.edu.my, ⁵hanisham@uum.edu.my

⁶ Pembantu Penyelidik Siswazah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia.
Email: irza5892@yahoo.com

Accepted date: 16-12-2018

Published date: 31-12-2018

To cite this document: Hussain, M. A., Megat Latif, H. H., Md. Nor, M. Z., Md Desa, M. R., Mohd Khalid, A. H. & Mohd Akhir, M. A. (2018). Rujukan Kepada *Mazhab* Dalam Ketetapan Fatwa: Analisa Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 236-244.

Abstrak: Empat mazhab utama yang diiktiraf dalam Islam dalam memahami undang-undang Syariah adalah mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Di Malaysia, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Islam adalah merupakan agama Persekutuan tanpa menghuraikan dengan lebih lanjut aspek mazhab yang perlu diikuti oleh umat Islam di negara ini. Bagi majoriti umat Islam di Malaysia, mazhab Syafie adalah merupakan rujukan dan pegangan dalam amalan seharian. Persoalan yang timbul, apakah kedudukan undang-undang berkaitan rujukan kepada mazhab dalam ketetapan fatwa di negeri-negeri di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, artikel ini mengkaji peruntukan-peruntukan undang-undang di negeri-negeri di Malaysia dalam mengawalselia urusan fatwa. Kajian ini mendapati bahawa, majoriti undang-undang yang mengawalselia urusan fatwa di negeri-negeri di Malaysia, telah menetapkan bahawa rujukan kepada pandangan diterima (qaul muktamad) dalam mazhab Syafie adalah merupakan keutamaan dalam penetapan hukum Syarak. Namun begitu, sekiranya pandangan diterima (qaul muktamad) itu berlawanan dengan kepentingan awam, maka rujukan kepada pandangan diterima (qaul

muktamad) dalam mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dijadikan rujukan. Kajian juga mendapati bahawa hanya negeri Perlis yang menetapkan rujukan kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam penetapan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa negeri itu.

Kata Kunci: Fatwa, Mazhab, Pentadbiran Fatwa, Undang-undang Islam, Hukum Syarak.

Abstract: *The four major sects recognized in Islam in understanding the Syariah law are the Hanafi, Maliki, Syafie and Hanbali. In Malaysia, Article 3 of the Federal Constitution stipulates that Islam is the Religion of the Federation without elaborating further on sectarian aspect that needs to be followed by Muslims in the country. For the majority of Muslims in Malaysia, Shafie sect is a reference and guidance in their daily practice. The question arises, what is the legal position regarding reference to the sect in the fatwa deliberation in the states of Malaysia. By using content analysis method, this article examines the provisions of laws in the states of Malaysia in regulating the fatwa affairs. This study found that, the majority of laws regulating fatwa affairs in the states of Malaysia have stipulated that the reference to the accepted view (qaul muktamad) of the Syafie sect is a priority in the Syariah deliberation. However, if that accepted view (qaul muktamad) is contrary to the public interest, then the reference to the accepted view (qaul muktamad) of the Hanafi, Maliki or Hanbali sects can be used as a reference. The study also found that only the state of Perlis, which provides a reference to the al-Quran and al-Sunnah in the fatwa deliberation by the State Fatwa Committee.*

Keywords: Fatwa, Mazhab, Fatwa Administration, Islamic Law, Syariah Ruling.

Pendahuluan

Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan bahawa pentadbiran agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74(2)). Setiap negeri adalah diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi mengatur hal ehwal orang Islam termasuk undang-undang Islam atau hukum Syarak. Kerajaan-kerajaan negeri melalui badan perundangan masing-masing berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan organisasi pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang berkenaan, seperti penubuhan Majlis-majlis Agama Islam dan Mahkamah-mahkamah Syariah sebagaimana terkandung di dalam Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri (Farid Sufian Shuaib, 2008). Ini termasuklah pentadbiran berkaitan dengan urusan fatwa. Setiap negeri secara umumnya mempunyai undang-undang yang mentadbir urusan fatwa di negeri berkenaan. Persoalan timbul, sejauh manakah undang-undang yang mentadbir urusan fatwa di negeri-negeri menjelaskan berkaitan dengan rujukan kepada pandangan mazhab oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam penetapan sesuatu hukum Syarak. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat kedudukan undang-undang berkaitan dengan rujukan kepada mazhab sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang mentadbir urusan fatwa di negeri-negeri di Malaysia.

Undang-undang yang Mengawalselia Urusan Fatwa di Malaysia

Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang berkaitan dengan urusan fatwa yang tersendiri. Ini boleh dilihat di dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Undang-Undang yang Mengawalselia Urusan Fatwa di Negeri-Negeri di Malaysia

Negeri	Enakmen/Akta/Ordinan
Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (En. 4/2006)
Kedah	Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 (En. 6/08 / En. 10)
Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En. 4/04 / En. 2)
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (En. 4/04)
Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 1/03)
Wilayah-wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)
Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03)
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 7/02)
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/03)
Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (En. 3/91)
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01)
Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (En. 4/94)
Sarawak	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Bab 41/2001)
Sabah	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 (En. 13/92)

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, dapat diperhatikan bahawa semua empat belas (14) buah negeri di Malaysia mempunyai undang-undang yang tersendiri dalam mengawalselia urusan fatwa di negeri masing-masing. Tiga belas (13) buah negeri mempunyai peruntukan undang-undang yang terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Manakala sebuah negeri sahaja iaitu negeri Kedah mempunyai undang-undang yang terasing

daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri yang dinamakan sebagai Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 (En. 6/08 / En. 10).

Kedudukan Rujukan kepada Mazhab dalam Undang-undang yang Mengawalselia Urusan Fatwa di Malaysia

Berdasarkan kepada analisa yang dilakukan terhadap peruntukan undang-undang yang mengawalselia urusan fatwa di negeri-negeri di Malaysia, secara umumnya kajian mendapati keseluruhan undang-undang yang ada mempunyai peruntukan khusus sebagai panduan kepada para Mufti negeri atau Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri berkaitan dengan rujukan kepada mazhab-mazhab sebelum diputuskan sesuatu fatwa.

Perbezaan yang berlaku adalah dari segi kedudukan susunan seksyen dan tajuk bagi peruntukan berkaitan yang boleh dibahagikan kepada:

- (a) *Qaul muktamad* yang hendaklah diikuti – Johor (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/03), seksyen 54); Melaka (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 7/02), seksyen 42); Negeri Sembilan (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03), seksyen 54); Pulau Pinang (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En. 4/04 / En. 2), seksyen 54); Perak (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (En. 4/04), seksyen 43); Selangor (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 1/03), seksyen 54); Terengganu (Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01), seksyen 54); dan Sarawak (Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Bab 41/2001) seksyen 39).
- (b) Nas-nas yang hendaklah diikuti – Wilayah Persekutuan (Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505), seksyen 39);
- (c) Nas yang akan diikuti – Pahang (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 (En. 3/91), seksyen 41);
- (d) Nas-nas yang diikuti – Sabah (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1992 (En. 13/92), seksyen 40);
- (e) *Qaul muktamad* hendaklah diikuti – Kedah (Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 (En. 6/08 / En. 10), seksyen 26);
- (f) Rujukan yang mesti diikuti – Kelantan (Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (En. 4/94), seksyen 37);
- (g) Sumber yang hendaklah diikuti – Perlis (Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (En. 4/2006), seksyen 54);

Berdasarkan kepada analisa yang dilakukan terhadap undang-undang yang berkaitan, didapati sepuluh (10) buah negeri mempunyai peruntukan yang sama. Manakala empat (4) buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Sarawak mempunyai peruntukan yang berbeza dari segi struktur ayat dan juga mempunyai peruntukan-peruntukan tambahan. Ini boleh diperhatikan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Ringkasan Peruntukan Berkaitan dengan Rujukan Mazhab

Negeri-negeri	Ringkasan Peruntukan Undang-undang
<p>Wilayah-Wilayah Persekutuan, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Negeri Pulau Pinang, Perak, Sabah, Selangor, Terengganu</p>	<p>(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa, atau memperakukan apa-apa pendapat, Mufti/Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan-pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Syafie.</p> <p>(2) Jika Mufti/Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Syafie akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti/Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.</p> <p>(3) Jika Mufti/Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti/Jawatankuasa Fatwa bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.</p>
<p>Kedah</p>	<p>(1) Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Syafie berlandaskan Al-Quran, Hadis, <i>Ijma' Ulama</i> dan <i>Qiyas</i>.</p> <p>(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.</p> <p>(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa</p>

	<p>membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka fatwa itu bolehlah diputuskan mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) daripada mana-mana mazhab yang empat itu.</p>
Kelantan	<p>(1) Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 36, Majlis atau Jamaah Ulama' hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Shafie.</p> <p>(2) Jika Majlis atau Jamaah Ulama' berpendapat bahawa pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) dari Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jamaah Ulama' bolehlah dengan keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengikut pandangan (<i>qaul</i>) dari mana-mana Mazahab Islam yang <i>muktabar</i>, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka pandangan (<i>qaul</i>) Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah diikuti.</p>
Sarawak	<p>(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan pendapat di bawah seksyen 38, Majlis hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Syafie.</p> <p>(2) Jika Majlis berpendapat bahawa dengan mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Syafie itu akan membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, mengikut pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.</p> <p>(3) Jika Majlis berpendapat bahawa tiada satu pun pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, membuat fatwa mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan pandangan diterima (<i>qaul muktamad</i>) mana-mana satu daripada</p>

	<p>empat Mazhab itu.</p> <p>(4) Semasa membuat apa-apa fatwa di bawah subseksyen (2) atau (3), Majlis boleh menerangkan secara terperinci dan dengan memberi apa-apa penjelasan yang diperlukan tentang peruntukan-peruntukan dan prinsip-prinsip yang diikutinya.</p>
Perlis	<p>(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallallahu'alaihi Wassalam.</p> <p>(2) Pada mengeluarkan sesuatu fatwa di bawah Bahagian ini Majlis dan Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu atau Undang-undang Adat Istiadat Melayu yang terpakai dalam Negeri Perlis.</p>

Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada enakmen-enakmen yang mengawalselia urusan pentadbiran fatwa di negeri-negeri melibatkan Wilayah-Wilayah Persekutuan, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Sabah, Selangor dan Terengganu, seseorang Mufti atau Jawatankuasa Fatwa dalam memperakukan atau mengeluarkan sesuatu fatwa, rujukan hendaklah dilakukan kepada:

- (a) Mengikut pandangan-pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Syafie;
- (b) Jika pandangan-pandangan itu berlawanan dengan kepentingan awam, hendaklah mengikut pandangan-pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali; dan
- (c) Jika tidak ada pandangan-pandangan diterima (*qaul muktamad*) daripada keempat-empat mazhab yang tidak berlawanan dengan kepentingan awam, maka isu yang berbangkit boleh diselesaikan dengan hemat sendiri tanpa terikat dengan mana-mana mazhab yang empat.

Peruntukan yang hampir sama dalam peruntukan undang-undang di negeri Kedah apabila menetapkan bahawa pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Syafie hendaklah secara lazimnya diikuti apabila Jawatankuasa Fatwa mempertimbangkan apa-apa fatwa atau memperakukan apa-apa pendapat dalam sesuatu isu berbangkit. Bagi negeri Kedah, undang-undang secara jelas menetapkan bahawa pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Syafie yang dirujuk itu adalah berlandaskan kepada al-Quran, Hadis, *Ijma' Ulamak* dan *Qiyas*. Ini berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia yang tidak menjelaskan elemen berlandaskan kepada al-Quran, Hadis, *Ijma' Ulamak* dan *Qiyas*.

Demikian juga, sekiranya berlaku keadaan di mana pandangan diterima (*qaul muktamad*) dalam mazhab Syafie itu jika diikuti boleh berlawanan dengan kepentingan awam, maka rujukan kepada pandangan diterima (*qaul muktamad*) daripada mazhab Hanafi, Malik dan

Hambali boleh diikuti. Namun undang-undang menetapkan bahawa ia perlulah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang memerintah negeri Kedah Darulaman terlebih dahulu. Enakmen juga memberi kebenaran kepada Jawatankuasa Fatwa untuk menggunakan hematnya sendiri dalam mengeluarkan sesuatu fatwa sekiranya tidak ada pandangan diterima (*qaul muktamad*) daripada keempat-empat mazhab untuk diikuti yang tidak bertentangan dengan kepentingan awam.

Negeri Kelantan juga menetapkan bahawa pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Shafie adalah merupakan ikutan secara lazim dalam Jamaah Ulama' mengeluarkan sesuatu fatwa. Sekiranya pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Shafie bertentangan dengan kepentingan awam, maka Jamaah Ulama' boleh mengikut *qaul* mana-mana *mazahib* Islam yang *muktabar*. Juga perlu mendapat keizinan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang memerintah negeri Kelantan. Namun begitu, di negeri Kelantan, dalam kes fatwa berkaitan dengan akidah, maka pandangan (*qaul*) Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja yang perlu diikuti.

Sama juga halnya dengan negeri Sarawak, di mana Majlis Islam Sarawak yang berkuasa untuk mengeluarkan fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Syafie. Juga sekiranya ketiadaan pandangan diterima (*qaul muktamad*) dalam mazhab Syafie, maka rujukan boleh dibuat kepada pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Dalam hal ini, keizinan khas daripada Yang di-Pertua Negeri adalah diperlukan. Juga sekiranya berlaku ketiadaan pandangan diterima (*qaul muktamad*) daripada keempat-empat mazhab, maka Majlis boleh membuat fatwa tanpa terikat dengan pandangan diterima (*qaul muktamad*) mana-mana mazhab dengan syarat keizinan khas daripada Yang di-Pertua Negeri. Undang-undang juga menetapkan bahawa Majlis boleh menerangkan secara terperinci dan dengan memberi apa-apa penjelasan yang diperlukan tentang peruntukan-peruntukan dan prinsip-prinsip yang diikutinya.

Bagi negeri Perlis pula, peruntukan yang ada dilihat sama sekali berbeza dengan peruntukan yang wujud di negeri-negeri lain di Malaysia. Negeri ini menetapkan bahawa, dalam pengeluaran fatwa atau memperakukan apa-apa pendapat, Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut al-Quran atau Sunnah Rasulullah Sallallahu'alaihi Wassalam. Demikian juga undang-undang menetapkan bahawa Jawatankuasa Fatwa perlu mempertimbangkan juga perihal Adat Istiadat Melayu atau Undang-undang Adat Istiadat Melayu yang berkuatkuasa di negeri Perlis.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisis kandungan terhadap peruntukan-peruntukan yang wujud dalam undang-undang pentadbiran fatwa di negeri-negeri di Malaysia, dapat diperhatikan bahawa setiap negeri mempunyai peruntukan berkaitan dengan rujukan terhadap empat mazhab yang diiktiraf dalam perundangan Islam dalam menetapkan sesuatu hukum Syarak yang berbangkit. Kajian mendapati bahawa rujukan kepada pandangan diterima (*qaul muktamad*) dalam mazhab Syafie adalah merupakan pandangan yang lazim diterima pakai dalam memutuskan sesuatu hukum Syarak. Namun begitu, ini tidak menafikan rujukan kepada pandangan diterima (*qaul muktamad*) mazhab-mazhab yang lain iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali sekiranya pandangan diterima (*qaul muktamad*) dalam mazhab Syafie adalah bertentangan dengan kepentingan awam. Demikian juga undang-undang tidak menghalang seseorang Mufti atau Jawatankuasa Fatwa untuk mengeluarkan fatwa dengan tidak berpegang kepada pandangan diterima (*qaul muktamad*) mana-mana mazhab yang sekiranya itu lebih

sesuai dan selari dengan kepentingan awam. Namun begitu didapati negeri Perlis adalah satu-satunya negeri yang hanya menetapkan bahawa dalam pengeluaran sesuatu fatwa berkaitan hukum Syarak, rujukan hendaklah dilakukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Ini secara tidak langsung menjadikan peruntukan undang-undang di negeri Perlis berbeza dengan lain-lain negeri di Malaysia.

Penghargaan

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas pemberian geran penyelidikan FRGS bagi menjalankan penyelidikan bertajuk: Keterikatan Mazhab Dalam Pelaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia: Pembentukan Satu Model Undang-Undang.

Rujukan

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (En. 4/94).
Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 (En. 6/08 / En. 10).
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/03).
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 7/02).
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En. 4/04 / En. 2).
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 1/03).
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03).
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (En. 4/04).
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 (En. 4/2006).
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01).
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 (En. 3/91).
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah) 1992 (En. 13/92).
Farid Sufian Shuaib. (2008). *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd.
Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Bab 41/2001).
Perlembagaan Persekutuan.